

Lebih 25,000 hadir Rumah Terbuka Malaysia MADANI di Alor Setar

Sanusi iringi Sultan Kedah, ketepi polemik politik duduk semeja bersama PM

Oleh Zuliaty Zulkiffli dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di sini semalam, majlis sulung dianjurkan di luar Putrajaya untuk rakyat meraikan Aidilfitri bersama Perdana Menteri dan anggota Kabinet, mendapat sambutan dengan anggaran lebih 25,000 pengunjung hadir.

Yang turut serta ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor di sebalik polemik dan dakwaan, terutama oleh pembangkang yang mengaitkan majlis itu sebagai membazir, selain isu bajet, dituduh bermotif politik dan kempen menjelang pilihan raya negeri (PRN).

Selain Kedah, lima lagi negeri tersenarai sebagai lokasi Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI ialah Pulau Pinang dengan penganjurannya dijadual pada 6 Mei, Negeri Sembilan (7 Mei), Kelantan (12 Mei), Terengganu (13 Mei) dan Selangor (14 Mei).

Keenam-enam negeri berkenaan bakal membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing pada dua minggu terakhir Jun depan dengan PRN pula dijangka diadakan pada Julai.

Pada majlis semalam, Muhammad Sanusi yang juga Pengerusi



Anwar beramah mesra dengan orang ramai pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di Alor Setar, semalam. (Foto bernama)

Perikatan Nasional (PN) Kedah dan Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat, hadir mengiringi Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah yang mencemar duli memeriahkan jamuan hari raya itu bersama rakyat baginda.

Muhammad Sanusi turut duduk semeja bersama Sultan Kedah dan Anwar, selain tetamu kenamaan lain, termasuk Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Kedah, Datuk Norizan Khazali.

Yang turut hadir majlis rumah terbuka berkenaan ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta menteri-menteri Kabinet yang lain.

Ahad lalu, Menteri Besar Ke-

dah menyifatkan Rumah Terbuka Malaysia MADANI di negeri-negeri sebagai program kempen politik dan tidak wajar diadakan serta membabitkan kos tinggi, sekali gus sesuai diadakan di satu lokasi sahaja.

Beliau mencadangkan lokasi sesuai ialah Seri Perdana yang juga kediaman rasmi Perdana Menteri atau di sekitar Putrajaya seperti kelaziman sebelum ini.

Bagaimanapun, Muhammad Sanusi menerusi pegawainya kelmari, memaklumkan akan menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI bersama Perdana Menteri di sini, semalam bagi mengiringi Sultan Kedah.

Dihampiri pemberita kemudian, beliau yang kelihatan ceria dan turut beramah mesra dengan pimpinan kerajaan peringkat Pusat dan negeri ketika diminta me-

ngulas penganjuran majlis tersebut, sekadar menjawab: "Hari ini hari aman."

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Saifuddin Nasution memaklumkan, Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di Hotel Raia, di sini semalam, berjaya mencapai sasaran lebih 25,000 pengunjung.

Ketika ditemui pemberita, Menteri Dalam Negeri itu memaklumkan, hidangan makanan disediakan di 60 gerai juga hampir habis menjelang lewat petang semalam walaupun majlis belum berakhir.

"Saya sempat buat tiga pusingan untuk melihat sendiri majlis. Saya yakin sasaran 25,000 kehadiran pengunjung berjaya dicapai dalam tempoh empat jam dan saya ingin mengucapkan te-

rima kasih kepada semua yang hadir.

"Majlis rumah terbuka di Kedah ini adalah program utama Perdana Menteri, walaupun ia akan diadakan di lima lagi negeri. Ingin saya nyatakan bahawa tidak berlaku pembaziran kerana semua makanan seperti mi goreng, sate dan lemang habis," katanya.

Katanya, kehadiran Menteri Besar Kedah yang mengiringi keberangkatan Sultan Sallehuddin turut dapat menguatkan semangat ukhuwah dan muhibah, walaupun berlainan fahaman politik.

"Ini menunjukkan kematangan orang politik untuk mengesetepikan sebarang sentimen dan perbezaan dari segi politik. Pemimpin politik yang berbeza hualan ini boleh berada di platform yang sama seumpama merayakan Aidilfitri ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, jumlah peruntukan untuk Kedah yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan, membuktikan bahawa kerajaan pusat tidak memandang sepi negeri yang ditadbir pembangkang.

"Kerajaan Persekutuan telah umum, peruntukan dalam projek baharu atau projek yang bersambung (untuk Kedah), nilainya adalah RM1.6 bilion.

"Ini bukan projek dalam perancangan, tetapi ini adalah bajet yang sudah diluluskan meliputi 442 projek Persekutuan di negeri ini.

"Ia terdiri daripada 136 projek baharu, manakala 306 adalah projek sambungari. Jadi, sekali lagi Perdana Menteri betul-betul menterjemahkan prinsip ini kepada masyarakat, tidak langsung membezakan negeri yang tidak diterajui Kerajaan Perpaduan, tetap terima peruntukan besar," katanya.